

**HIASAN PELAMIN
DI PERAK**

OLEH

**ZUHAIDA BTE. MOHD. DASI
89133983**

**DIPLOMA SENI REKA TEKSTIL
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
1993**

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya merakamkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan keredhaannya saya dapat menyiapkan tesis ini. Semoga dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan dan menjadi panduan kepada generasi akan datang. Saya rakamkan dengan perasaan terharu dan insaf khas buat emak dan abah yang selalu mendoakan kejayaan saya serta kepada semua pihak yang memberi kerjasama.

Ucapan setinggi penghargaan saya tujukan kepada:

EN. AHMAD BADARUDDIN B. AHMAD FADZIL (PENASIHAT)

- PENSYARAH SENIREKA TEKSTIL

KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA

ITM, SHAH ALAM.

- PN. ZALEHA SHAARI

KETUA KURSUS

JABATAM SENIREKA TEKSTIL

KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA

ITM, SHAH ALAM.

SINOPSIS

HIASAN PELAMIN DI PERAK

Di antara seni kebudayaan atau kraf, hiasan pelamin adalah di antara seni yang jarang terlintas di pemikiran masyarakat kita. Lazimnya hiasan pelamin tidak dianggap sebagai hasil kraftangan melayu. Dari sudut ini dapat ditinjau hiasan pelamin tidak diperkenalkan sebagai seni kraftangan. Maka, dari sini, saya berminat untuk menulis mengenai hiasan pelamin.

Daripada perbincangan dengan salah seorang pensyarah iaitu En. Ahmad BAadaruddin Ahmad Fadzil, pelamin adalah merupakan tempat yang dikhaskan untuk pengantin pada hari perkahwinan. Biasanya dihias dengan berbagai-bagai gaya tetapi mengikut susunan yang tertentu.

Setelah dikaji dan diteliti, didapati negeri Perak merupakan negeri yang mempunyai pengaruh yang kuat dari segi hiasan pelamin. Contohnya industri tekatan yang berkembang sehingga ke hari ini adalah merupakan pengaruh hiasan pelamin.

Di dalam penulisan tesis saya ini, saya akan membuat perbandingan hiasan pelamin dahulu dan sekarang secara ringkas. Kajian saya terbahagi kepada 3 generasi.

KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
HALAMAN PEMERIKSA	(i)
PENGHARGAAN	(ii)
SINOPSIS	(v)
JADUAL ISI KANDUNGAN	(vii)
SENARAI SISIPAN	(ix)
PENGENALAN	(xi)

BAB 1

1.0. SEJARAH PERKEMBANGAN SECARA UMUM	1
1.1. PERKEMBANGAN PELAMIN DALAM MASYARAKAT MELAYU	7

BAB 2

2.0. HIASAN PELAMIN DI DALAM MASYARAKAT MELAYU DI PERAK	7
2.1. KEGUNAAN ALAT-ALAT HIASAN YANG TERDAPAT DI PELAMIN	14
	(vii)

PENGENALAN

DEFINISI

Apabila kita sebut sahaja pelamin atau singgahsana raja sehari terbayang difikiran, bagaimana cara membuatnya kerana pelamin merupakan rekabentuk kraftangan Melayu. Mengikut perbincangan dengan salah seorang pensyarah, beliau mengatakan bahawa "hiasan pelamin" mempunyai perbezaan dari segi rupa, bentuk dan sebagainya. Perbezaan ini mengikut pengaruh kebudayaan negeri.

Melalui perbincangan bersama beliau, kepentingan pelamin adalah untuk mempamerkan adat budaya serta ianya melambangkan tahta di raja sehari. Pelamin juga merupakan tempat kedua mempelai diijapkabulkan supaya dapat dilihat oleh sanak saudara serta orang ramai.

Manakala di dalam buku "Aneka Gubahan Majlis Perkahwinan" menyatakan bahawa Pelamin ialah tempat pengantin disandingkan, berbentuk seperti singgahsana serta dengan peterananya daripada bangku atau kaus atau dua kerusi untuk pengantin duduk bersanding. Selalunya pelamin disediakan oleh Mak Andam dan harga menyewanya termasuk sekali di dalam upah